

Intervensi PM bantu selesai krisis politik, kemanusiaan di Myanmar

● Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN mengambil tanggungjawab besar untuk mencari jalan terbaik menyelesaikan konflik yang semakin buruk itu

● Peranan Anwar sangat penting untuk menjadi pihak tengah menyelesaikan konflik di Myanmar kerana Malaysia juga menghadapi masalah banjir pelarian Myanmar ke negara ini



Profesor Politik dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pengerusi Persatuan Pengajian Malaysia dan Antarabangsa (AIMS)

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Ketua Junta Tentera Myanmar, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing di Bangkok pada 17 April lalu dan turut dihadiri bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra menjadi langkah signifikan menyelesaikan kemelut panjang Myanmar.

Thaksin dalam konteks ini berperanan sebagai penasihat peribadi kepada Anwar di bawah kapasiti sebagai Pengerusi ASEAN, selain bertanggungjawab membantu menyelesaikan permasalahan di Myanmar.

Myanmar menghadapi krisis politik dan kemanusiaan dengan kesalahan diletakkan kepada rejim tentera yang menguasai negara itu.

Pada 1 Februari 2021, tentera Myanmar menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi diketuai Aung San Suu Kyi dan Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD).

Ini mencetuskan bantahan besar-besaran dan penentangan awam, sekali gus menyebabkan ramai orang awam terbunuh.

Myanmar juga berada dalam perang saudara. Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG) ditubuhkan merangkumi bekas Ahli Parlimen dan aktivis demokrasi membentuk pasukan tentera sendiri, iaitu Angkatan Pertahanan Rakyat (PDF) dan bekerjasama dengan kumpulan etnik bersenjata seperti Kachin, Karen serta Chin untuk menentang pemerintah junta tentera.

Selain itu, krisis kemanusiaan juga berlaku dengan penghapusan etnik dialami penduduk Rohingya, manakala bencana gempa bumi berukuran 7.7 magnitud melanda Myanmar hingga mengorbankan lebih 5,300 nyawa pada 28 Mac lalu.

Atas keadaan itu, Anwar mengambil inisiatif untuk bertemu pemimpin junta tentera Myanmar meskipun dikritik pelbagai pihak.

Hakikatnya, langkah Anwar itu selari dengan peranan utama Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi menyelesaikan konflik kejiiran yang wujud.

Ada beberapa agenda utama pertemuan bermatlamat untuk menyelesaikan krisis kemanusiaan bertujuan memanjangkan tempoh gencatan senjata, selain melancarkan bantuan disalurkan kepada warga awam terkesan dengan gempa bumi.

Malaysia sebenarnya mengangkat agenda dikenali sebagai *Prosper Thy Neighbour* yakni jiran makmur akan memakmurkan negara kita juga. Anwar melihat pertemuan ini tidaklah bermatla-

mat mengiktiraf junta tentera Myanmar secara rasmi, sebaliknya cuba membuka ruang dialog inklusif dan bermatlamat membawa keamanan serta menyelesaikan krisis kemanusiaan.

Anwar juga mengadakan pertemuan dengan wakil NUG dan kumpulan pembangkang Myanmar sebagai usaha melancarkan bantuan kemanusiaan disalurkan di kawasan terbabit.

Namun, junta tentera Myanmar dikritik kerana terus melancarkan serangan udara kepada pihak pembangkang dan penentang meskipun pada 2 April lalu, mereka mengisytiharkan gencatan senjata.

Pejabat Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan pada 28 Mac sehingga 24 April lalu, junta tentera Myanmar melancarkan 207 serangan termasuk 140 serangan udara dan 24 serangan darat.

“Langkah Anwar itu selari dengan peranan utama Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi menyelesaikan konflik kejiiran yang wujud”

Lebih 172 serangan dilancarkan sejak gencatan senjata dan 73 daripadanya berlaku di kawasan bencana gempa bumi.

Malaysia gesa patuhi gencatan senjata

Malaysia sebenarnya bertegas mahukan gencatan senjata itu dipatuhi semua pihak termasuk pihak junta tentera sendiri. Namun, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN mengambil tanggungjawab besar untuk mencari jalan terbaik menyelesaikan konflik yang semakin buruk itu.

Myanmar sebenarnya dihalang sebelum ini untuk menyertai mesyuarat penting ASEAN sejak Oktober 2021 setelah junta tentera Myanmar tidak mengendahkan Konsensus Lima Perkara (5PC) yang dipersetujui untuk menamatkan sengketa dan pembunuhan setelah rampasan kuasa tentera.

Pertemuan konstruktif antara Anwar dengan Aung Hlaing diharapkan mampu mengurangkan persengketaan perang saudara. Kerajaan tentera Myanmar juga menyatakan mereka membebaskan 5,000 tahanan dalam pengampunan beramai-ramai sempena dengan sambutan perayaan di Myanmar.

Ini disambut baik Anwar yang melihat pembe-

basan itu sebagai isyarat positif perubahan sikap junta tentera Myanmar yang ingin melihat keamanan dan keselamatan.

Anwar juga semasa di Bangkok mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra, selain pemimpin NUG, Mahn Winn Khaing Thann.

Walaupun hanya melalui panggilan video, ia sangat signifikan untuk mencari persetujuan damai dengan pihak penentang dan pemimpin kerajaan yang berada dalam buangan.

Ini kerana dikhabarkan melalui media antarabangsa seperti *REUTERS* bahawa NUG melalui sayap tenteranya PDF yang dikatakan menguasai dua pertiga Myanmar.

Selain itu, Thailand juga diminta membukakan ruang dialog kepada kedua-duanya pihak kerajaan dan penentang untuk mencari kaedah penyelesaian dipersetujui bersama.

China yang juga rakan baik Myanmar diminta memainkan peranan aktif menyelesaikan krisis politik dan kemanusiaan di negara itu. China seharusnya menyambut baik perkembangan terkini membabitkan peranan Anwar untuk menyelesaikan konflik terbabit.

ASEAN juga melihat keperluan mengadakan dialog inklusif dengan pihak bertelagah di Myanmar dan kejayaan dialog ini banyak bergantung kepada kerjasama diberikan China.

China pernah membantu menyelesaikan isu di perbatasan Thailand-Myanmar, selain menyelesaikan isu penipuan siber dalam kawasan dikuasai etnik Karen dengan cara memutuskan aliran elektrik, memutuskan akses kepada internet dan menghentikan pengedaran minyak ke kawasan berkenaan.

Yang pasti, peranan Anwar sangat penting untuk menjadi pihak tengah menyelesaikan konflik di Myanmar kerana Malaysia juga menghadapi masalah banjir pelarian Myanmar ke negara ini.

Sehingga Mac lalu, kira-kira 192,800 pelarian dan pencari suaka berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) di negara ini.

Sejumlah besar adalah dari Myanmar, iaitu 174,410 orang, termasuk 114,190 orang etnik Rohingya, Chin (28,850 orang) dan bakinya, etnik lain yang berhijrah akibat konflik atau peperangan di Myanmar.

Kerajaan Malaysia juga terbeban dari segi kewangan untuk memberikan perlindungan kepada warga Myanmar. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu memberi dokongan kepada Perdana Menteri untuk mencari jalan menyelesaikan isu politik dan kemanusiaan menghantui Myanmar dan seluruh negara ASEAN yang terkesan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH